



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 JULAI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Derita penduduk Lembah Permai | 22 |
| - Kes tular bukan pelajar SK Lembah Keramat | 22 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 JULAI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Derita penduduk Lembah Permai
Muka Surat	22

Derita penduduk Lembah Permai

SH m/s 22 20/7/2018

Masalah tekanan air rendah, jalan berlubang perlu diatasi segera

AHMAD ISMAIDI ISMAIL

LEMBAH JAYA

Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan Air Selangor supaya menyalut aduan penduduk berkaitan tekanan air rendah di Pangsapuri Lembah Permai, di sini.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, laporan berkaitan isu ini akan diserahkan kepada pihaknya setelah siasatan dilaksanakan oleh Air Selangor.

"Laporan dijangka akan diserahkan tidak lama lagi berkaitan apa punca dan cara mengatasi masalah ini, saya berharap kita dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang terpaksa dihadapi oleh penduduk di sini," katanya.

Haniza berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan



Haniza menyampaikan sumbangan kepada JMB dalam majlis Jalinan Muhibbah Komuniti, di Pangsapuri Desa Lembah Permai.

(MC) berhubung isu bekalan air.

"Kawasan ini berada di atas bukit, berkemungkinan tekanan air di sini juga sedikit rendah," katanya.

Haniza yang juga Adun Lembah Jaya berkata, pihaknya turut dimaklumkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) turut akan melaksanakan kerja penurapan jalan di sekitar pangsapuri berkenaan demi kesejahteraan penduduk di kediaman tersebut.

"Saya melihat ada banyak lubang besar, jalan yang akan diturap serta lebih baik permukaannya dapat memberi kesejahteraan kepada penduduk," katanya.

info

MPAJ akan melaksanakan kerja penurapan demi kesejahteraan penduduk

Menurutnya, penduduk juga berharap di jalan utama berhampiran pangsapuri ini juga perlu diturapkan oleh agensi berkaitan.

"Saya dimaklumkan, pihak berkuasa tempatan sedang menunggu projek pembangunan yang sedang berjalan di kawasan ini selesai. Saya juga bimbang kawasan jalan ini agak gelap, kalau boleh pihak berkenaan

perlu memasang lampu untuk sementara waktu bagi mengelak kejadian kemalangan," katanya.

Sebelum ini Sinar Harian pernah melaporkan penduduk di sebuah pangsapuri kos rendah itu mengesahkan kerajaan negeri menanganai isu infrastruktur di kawasan perumahan itu termasuk kerja-kerja penurapan jalan dan masalah lif.

Penduduk mendakwa keadaan infrastruktur yang 'uzur' di kawasan pangsapuri itu telah lama terbiar sejak tiga tahun lalu. Kemalangan juga seringkali berlaku khususnya kepada penunggang motorsikal yang cuba mengelak lubang.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 20 JULAI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kes tular bukan pelajar SK Lembah Keramat
Muka Surat	22

Kes tular bukan pelajar SK Lembah Keramat

AMPANG – Sekolah Kebangsaan Lembah Keramat telah mengeluarkan kenyataan berhubung kes murid yang 'dijemput' oleh anggota polis setelah tidak hadir ke sekolah selama 53 hari yang menjadi tular di laman sosial itu, ia bukan pelajar sekolah berkenaan.

Menurut kenyataan sekolah tersebut yang dimuatnaik di laman sosial Facebook, ianya diambil dari media sosial untuk

peringatan kepada semua pihak.

Sekolah berkenaan berharap semua pihak agar menghentikan tular berkaitan foto itu, bagi mengelakkan kekeliruan bagi semua pihak.

Pesanan tular itu memaklumkan ada seorang murid tahun enam didakwa tidak hadir ke sekolah dan pelbagai usaha mengikut prosedur operasi standard (SOP) telah dijalankan.

Sekolah Kebangsaan Lembah Keramat
36 mins

Makluman kepada semua warga sk lembah keramat.

Astaklan Pihak sek mengardis temakan memuatnaik gambar berhubung murid dan yg telah 53 hari x hadir ke sek sekolah pellaaga usaha mengikut SOP telah dijalankan. Sy sendiri tidak ke rumah murid tersebut sebelum ini. Murid ini x boleh bangun pagi kerana terbiar game pd waktu tidur. Di dalam petua x sempat hadir nak kejut anak dr bangun pagi. Semoga murid ini berubah dan beriya dan ketidapan. Pihak sek menaruh hati ke pdg kate nyalangi ketidapan hehe

Penafian: SK Lembah Keramat menafikan murid yang diviralkan itu adalah murid dari SK Lembah Keramat. Ianya diambil dari media

SK Lembah Keramat nafi kes tular.